

## **Banjir berulang, sistem perparitan menjadi punca**

Oleh: Nornazonshima Majid, 1180269

SUNGAI BESAR: Mangsa banjir di kampung Parit 5 Gambut di sini menggesa agar pihak berwajib segera menyelenggara sistem perparitan yang didakwa menjadi punca utama masalah banjir di kampung itu berulang lagi.

Mangsa, Azizul Firdaus Shakir Maskor, 43, berkata, selang dua tahun sejak tahun 2016 yang lalu, tahun ini merupakan tahun ketiga kampungnya dilanda musibah ini.

Beliau berkata, oleh kerana masa yang diambil untuk air surut agak lama iaitu selama dua minggu, maka, kali ini dia dan keluarga sempat mengambil langkah bersiap sedia bagi menghadapi musibah ini dengan mengalihkan barang-barang yang penting ke tempat yang lebih tinggi.



Mangsa dan kawasan rumahnya yang terjejas akibat banjir

Menurutnya, musibah banjir sering berulang kerana masalah perparitan di mana sistem saluran kurang sempurna dan tersumbat disebabkan oleh sampah sarap dan sisa buangan air yang hanya tertumpu di kawasan ini.

“Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sabak Bernam digesa agar lebih telus dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan. Ini kerana, sekiranya terdapat kerosakan pada sistem perparitan, ianya perlulah dibaiki dengan segera bagi mengelak kejadian banjir berulang lagi,” katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Peduli Rakyat Sungai Besar, Ahmad Zhafri Md Noor, 33, berkata, beliau telah menyalurkan bantuan keperluan asas kepada penduduk yang terlibat dalam musibah banjir di kawasan Parit 5 Gambut dan kawasan sekitarnya pada 21 November yang

lalu. Beliau juga berbesar hati kerana sedikit-sebanyak dengan sumbangan yang diberi ianya dapat meringankan beban mangsa banjir di kawasan itu.



Gerila pasukan Persatuan Peduli Rakyat Sungai Besar menyalurkan bantuan

Zhafri berkata, beliau berharap agar agensi yang terlibat seperti kerajaan pusat dan negeri dapat menjaga kebajikan rakyat di kawasan ini.

“Beliau turut menggesa agar pihak agensi yang berkenaan memberikan fokus yang lebih mendalam bagi menangani insiden banjir yang sering berulang di kawasan itu,” tambahnya lagi.

Kini mangsa banjir di kawasan Parit 5 Gambut ini, sibuk membersihkan kawasan rumah mereka setelah air mulai surut.